



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN HARGAI INISIATIF BELANJAWAN JOHOR 2026 MELALUI SIMPAN SSPN

1. Pembentangan Belanjawan Johor 2026 bertemakan “Bangsa Johor Sejahtera” oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor, pada 13 November 2025 memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat Johor.
2. Melalui Belanjawan Johor 2026, Teras Ketiga : Jaringan Keselamatan Sosial di bawah Inisiatif kedua iaitu Bantuan Kasih Johor (BKJ) atau BKJ Anak Yatim Negeri Johor dalam bentuk tunai dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebanyak RM2,000 seorang yang akan memanfaatkan seramai 12,307 anak yatim dengan jumlah peruntukan RM24.6 juta. Penyaluran bantuan ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa pembayaran, iaitu RM300 pada Disember 2025 dan RM300 pada Februari 2026, manakala baki RM1,400 akan disalurkan melalui akaun Simpan SSPN bagi tujuan simpanan pendidikan masa hadapan.
3. YBhg. Dato’ Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, “Saya melihat pengumuman ini sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri Johor yang mengambil berat aspek pendidikan, khususnya dalam membela nasib anak-anak yatim serta memperkukuh ekosistem pendidikan negeri melalui pendekatan inklusif yang bukan sahaja membantu golongan pelajar tetapi juga menggalakkan budaya menabung untuk kegunaan masa depan pendidikan anak-anak. Usaha menyalurkan sebahagian bantuan BKJ melalui akaun Simpan SSPN di bawah PTPTN secara tidak langsung menyokong agenda Kerajaan dalam memperkasakan amalan perancangan kewangan pendidikan di peringkat awal usia. Langkah ini diharap dapat mengurangkan beban kewangan pelajar yang kurang bernasib baik dan membantu mereka untuk fokus sepenuhnya kepada pembelajaran.”

4. “Melalui inisiatif ini, PTPTN menyambut baik pengumuman inisiatif di bawah Belanjawan Johor 2026 dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor atas keprihatinan terhadap kebajikan pelajar. Saya menyeru Kerajaan Negeri dan agensi lain turut menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama bagi pemberian insentif di dalam Belanjawan dan program-program utama Kerajaan Negeri dan agensi untuk manfaat rakyat pada hadapan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor ini,” tambah beliau lagi.

5. Sesungguhnya, rakyat negeri Johor bertuah kerana mempunyai Kerajaan MADANI yang amat prihatin dalam menyediakan keperluan rakyat terutamanya daripada aspek kewangan bagi persediaan anak-anak untuk meneruskan pengajian. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada pendeposit. Antaranya insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful percuma ke atas pendeposit bagi simpanan RM1,000 dan ke atas, Geran Sepadan sehingga RM10,000 secara percuma bagi satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, patuh syariah dan simpanan yang dijamin kerajaan.

YBhg. Dato’ Seri Norliza Abdul Rahim
Pengerusi
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

15 November 2025